Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2022, Volume 7, Issue 11, e001935
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i11.1935

Politik dan Pilihan Raya Pakatan Harapan Pasca Sheraton, 2020 – 2022

(The Pakatan Harapan's Political and Electoral Contests after the Sheraton Move, 2020 - 2022)

Muhammad Shahrul Shahabudin[1], Muhamad Nadzri Mohamed Noor[2*]

[1]Program Sains Politik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43000, Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: shahrulshabudin10@gmail.com
[2]Program Sains Politik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43000, Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: nadzri@ukm.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Nama Pengarang
(nadzri@ukm.edu.my)

KATA KUNCI:
Barisan Nasional
Khemah Besar
Pakatan Harapan
Peristiwa Sheraton
Pilihan Raya Negeri Melaka 2021 dan Johor 2022

KEYWORDS:
Barisan Nasional
Big Tent Concept, Melaka (2021) and Johor (March 2022) State Elections
Pakatan Harapan
Sheraton Move

CITATION:
Muhammad Shahrul Shahabudin & Muhamad Nadzri Mohamed Noor. (2022). Politik dan Pilihan Raya Pakatan Harapan Pasca Sheraton, 2020 - 2022. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7*(11), e001935. https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i11.1935

ABSTRAK

Kertas ini dinukilkan untuk memahami dan menilai kedudukan Pakatan Harapan secara keseluruhan selepas daripada Peristiwa Sheraton pada awal tahun 2020. Ia melibatkan struktur kepimpinan Pakatan Harapan, hubungan antara parti komponen Pakatan Harapan, hubungan Pakatan Harapan dengan parti-parti pembangkang yang lain serta prestasi Pakatan Harapan pada Pilihan Raya Negeri Melaka 2021 dan Johor 2022. Secara keseluruhannya, kajian ini menilai perkembangan keseluruhan Pakatan Harapan selepas daripada Peristiwa Sheraton sehingga tahun 2022. Hasil kajian mendapati Pakatan Harapan berhadapan dengan beberapa isu utama seperti isu kepimpinan, hubungan antara parti komponen Pakatan Harapan yang longgar serta hala tuju Pakatan Harapan yang kabur selepas daripada Peristiwa Sheraton pada awal tahun 2020. Isu-isu yang dirungkaikan ini dapat diperhatikan melalui perjalanan politik Pakatan Harapan selepas daripada Peristiwa Sheraton dengan usaha-usaha bagi membawa Pakatan Harapan pulang ke Putrajaya sebagai kerajaan melalui Langkah Le Meridien dan selepas daripada perletakkan jawatan Perdana Menteri ke-8 oleh Muhyiddin Yassin yang tidak berjaya disebabkan oleh kesemua isu yang dihadapi oleh Pakatan Harapan ini. Isu-isu yang dihadapi oleh Pakatan Harapan secara keseluruhannya turut memberikan kesan kepada kegagalan Pakatan Harapan untuk memenangi Pilihan Raya Negeri Melaka 2021 dan Pilihan Raya Negeri Johor 2022 sekali gus membantutkan usaha Pakatan Harapan bagi menterjemahkan semula prestasi mereka seperti pada Pilihan Raya Umum ke-14. Namun yang demikian, perubahan pucuk kepimpinan Parti Keadilan Rakyat dan Parti Tindakan Demokratik yang merupakan antara parti-parti komponen Pakatan Harapan memberi sinar baharu

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

kepada Pakatan Harapan menjelang Pilihan Raya Umum ke-15 kelak.

ABSTRACT

This paper was developed to assess and comprehend Pakatan Harapan's position as a whole following the Sheraton Move in early 2020, with particular attention paid to the party's leadership structure, relationships among its component parties, relationships with other opposition parties, and Pakatan Harapan's performance in the general elections in Melaka (2021) and Johor (March 2022). This analysis assesses Pakatan Harapan's overall trajectory from the Sheraton Move to 2022. The study's findings revealed that Pakatan Harapan is struggling with a number of significant difficulties, including leadership issues, fractured relationships between its component parties, and its blurry strategic orientation after the Sheraton Move in early 2020. The political journey of Pakatan Harapan following the Sheraton Move, including attempts to reinstate Pakatan Harapan as the federal government through the Le Meridien Move and after Muhyiddin Yassin stepped down as the country's eighth Prime Minister, can be used to observe these unravelling issues. The problems that Pakatan Harapan as a whole is dealing with have an effect on Pakatan Harapan's inability to win the Melaka State Election in 2021 and the Johor State Election in 2022. However, the change in the leadership of the People's Justice Party and the Democratic Action Party, which are among the component parties of Pakatan Harapan, give a new light to Pakatan Harapan ahead of the 15th General Election.

Sumbangan/Keaslian: Kajian menyumbang kepada pendebatan dan perkembangan transisi oposisi politik di Malaysia.

1. Pengenalan

Di Jepun, Morihiro Hosokawa menjadi Perdana Menteri Jepun yang pertama daripada *Japan New Party (JNP)* selepas Pilihan Raya Umum Jepun pada tahun 1993. Membentuk kabinet Morihiro yang terdiri daripada *Japan New Party (JNP), Japan Renewal Party (JRP), Japan Socialist Party (JSP)*, Parti Komeito, Parti Sosialis Demokratik (DSP), *New Party Sakigake (NPS)* dan *Socialist Democratic Federation (SDF)*. Penting untuk dilihat kemaraan blok kerajaan bukan LDP sebagai sebuah bentuk 'kemaraan sementara" apabila Morihiro Hosokawa meletak jawatan secara mengejut sebagai Perdana Menteri Jepun pada 8 April 1994. Persamaan ini turut boleh dilihat daripada Pakatan Harapan yang terdiri daripada Parti Keadilan Rakyat (PKR), Parti Pribumi Bumiputera Bersatu (BERSATU), Parti Amanah Nasional (AMANAH) dan Parti Tindakan Demokratik (DAP) dengan kerjasama rakan kongsi mereka di Sabah iaitu Parti Warisan Sabah (WARISAN) yang telah bersama-sama menafikan hegemoni tunggal UMNO-Barisan Nasional pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) pada tahun 2018 (Ariff Aizuddin & Mohammad Khairuddin, 2018).

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Kemenangan mengejut Pakatan Harapan ini ternyata membentuk suatu euforia yang melahirkan suatu gelombang Malaysia Baharu serta menafikan status quo Barisan Nasional yang telah bertahan hampir 61 tahun sejak tahun 1957 lagi. Episod bersejarah ini disifatkan oleh Muhamad Takiyuddin dan Muhamad Nadzri (2018) sebagai revolusi senyap yang mengubah landskap politik Malaysia. Namun yang demikian, episod gembira ini hanya mampu bertahan sehingga Februari 2020 tidak sampai dua tahun penubuhan kerajaan Pakatan Harapan apabila Perdana Menteri ke-7 Dr Mahathir Mohamed meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri selain daripada penarikan keluar parti BERSATU daripada Pakatan Harapan oleh Presiden BERSATU Muhyiddin Yassin. Sindrom 'kemaraan sementara' yang dilalui oleh koalisi pembangkang di Jepun turut dihadapi oleh Pakatan Harapan. Persamaan daripada kedua-dua situasi ini jelas berpunca daripada perbezaan ideologi yang jelas di antara parti-parti komponen dalam kedua-dua gabungan politik yang akhirnya menzahirkan perbezaan yang jelas dalam soal dasar dan pentadbiran kerajaan yang menyukarkan untuk membentuk kestabilan dalam pemerintahan serta menyajikan reformasi institusi dan transformasi ekonomi.

Kedudukan Pakatan Harapan terus goyah sejak daripada peristiwa Sheraton apabila satu persatu ahli Parlimen Pakatan Harapan melompat keluar meninggalkan Pakatan Harapan selain daripada penubuhan parti-parti baru seperti parti PEJUANG, *Malaysian United Democratic Association* (MUDA), Parti Bangsa Malaysia (PBM) yang sama ada berada dalam blok kerajaan iaitu Perikatan Nasional mahupun berada dalam blok pembangkang yang terasing daripada khemah besar Pakatan Harapan. Selain itu, pemimpin-pemimpin utama Pakatan Harapan juga saling bercakaran antara satu sama lain dalam pelbagai perihal dan tidak mengambil tanggungjawab di sebalik kegagalan Pakatan Harapan untuk kekal sebagai kerajaan dalam tempoh sepenggal sehingga Julai 2023. Pakatan Harapan kelihatan hilang magisnya walaupun keadaan kerajaan Perikatan Nasional sentiasa terumbang-ambing di bawah teraju Tan Sri Muhyiddin Yassin. Setelah Tan Sri Muhyiddin Yassin meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri kerajaan Perikatan Nasional, beliau digantikan oleh Ismail Sabri Yaakob yang membentuk kerajaan Keluarga Malaysia pada saat blok kerajaan sebenarnya masih lagi tidak ada kesatuan di sebalik sengketa antara dua parti utama kerajaan iaitu UMNO dan BERSATU. Disebabkan oleh tidak tentuan yang menyelubungi blok kerajaan, Perdana Menteri Ismail Sabri telah memeterai persefahaman dengan Pakatan Harapan melalui *memorandum of understanding* (MOU) yang menyaksikan persetujuan di antara pihak kerajaan dengan blok pembangkang terbesar di Dewan Rakyat (Ooi, 2021).

Kedudukan Pakatan Harapan yang goyah selepas daripada Peristiwa Sheraton ini dikendurkan lagi dengan kegagalan parti-parti Pakatan Harapan untuk memenangi Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah pada September 2020 dengan kerjasama parti Warisan Sabah. Langkah sumbang ini disambung pada tahun 2021 dengan kekalahan di PRN Melaka pada November 2021 serta PRN Sarawak pada Disember 2021. Tahun 2022 juga menyaksikan nasib malang Pakatan Harapan berterusan apabila kalah teruk di PRN Johor pada bulan Mac 2022. Apa yang lebih memilukan kekalahan Pakatan Harapan di Melaka dan Johor dilihat sebagai suatu yang amat memalukan kerana pada PRU ke-14, Pakatan Harapan berjaya menawan kedua-dua negeri ini dengan amat bergaya.

2. Teori Khemah Besar (*Catch-All Party*) dan Koalisi Politik di Malaysia

Kirchheimer (1966) berhujah bahawa transformasi di Eropah Barat melibatkan parti-parti politik di sana berlangsung melibatkan integrasi besar-besaran parti-parti politik Eropah Barat mentransformasikan diri mereka menjadi *catch-all parties* atau khemah

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

besar (*big-tent*) dengan campuran ideologi yang berbeza di antara mereka atau turut dikenali sebagai *Volkspartei* atau parti rakyat. Kirchheimer (1966) memerhatikan bahawa parti politik mencuba bertukar-tukar kaedah dan keberkesanan secara mendalam untuk mendapat sokongan khalayak yang lebih luas serta kejayaan pilihan raya dalam kadar yang lebih segera. Kirchheimer (1966) melihat sistem ini sebagai sebuah jentera pilihan raya yang berjaya serta cukup mahir dalam memenangi undi sehingga memaksa pesaingnya untuk menggunakan muslihat yang sama. Selain itu, Kirchheimer (1966) juga turut melihat kesan daripada amalan sistem *catch-all parties* ini sebenarnya melenturkan pegangan ideologi, kepimpinan tertinggi diperkukuhkan, peranan ahli parti biasa dikurangkan, usaha merekrut keahlian dengan lebih luas bukan hanya sekadar menumpukan kepada kubu-kubu kuat parti dan memperolehi akses kepada kelompok-kelompok yang berkepentingan tertentu.

Williams (2009) menyimpulkan teori *catch-all parties* Kirchheimer (1966) sebagai satu bentuk parti yang mempunyai identiti seperti saiz parti sebagai parti arus perdana yang lebih besar, kemampuan untuk meraih undi daripada para pengundi dengan mengorbankan ideologi, platform parti yang berpusat dan sering tidak konsisten serta dicipta untuk menarik perhatian dan sokongan khalayak umum yang lebih luas serta sistem organisasi yang dipacu oleh kelompok elit. Hujah Kirchheimer (1966) ini dibincangkan oleh Wolinetz (2002) dengan menyebut bahawa sistem khemah besar atau *catch-all parties* merupakan sebuah peranti yang efektif menyaksikan tunduknya parti-parti politik terhadap kehendak pasaran politik menyebabkan parti-parti politik terpaksa mengabaikan segala usaha lalu berkaitan dengan aspek intelektual, penjelmaan moral orang awam, pengabaian ideologi, berusaha meraih sokongan kumpulan-kumpulan berkepentingan, menumpukan kepada kehebatan para pemimpin dan meraih sokongan di mana saja yang mampu ditemui.

Namun yang demikian, Wolinetz (2002) menyifatkan sistem parti ini sebagai sebuah sistem yang oportunis, parti yang meraih undi, parti yang berpusatkan kepada kepimpinan, parti yang terikat kepada kelompok-kelompok berkepentingan atau kesemuanya sekali. Tegas Wolinetz (2002) sistem khemah besar atau *catch-all parties* ini menyebabkan sebahagian besarnya telah meninggalkan fungsi ekspresif atau perwakilan emotif parti demi pembrokeran politik dan pemerintahan yang membuka peluang kepada pihak lain untuk mencabar dengan parti politik alternatif, gerakan sosial baru yang lebih berupaya untuk menggerakkan rasa tidak puas hati atau menyediakan insentif perpaduan yang tidak dapat dibekalkan oleh khemah besar tersebut. Jelas hujah Wolinetz (2002) tidak melihat sudut pandang yang diutarakan oleh Hague dan Harrop (2004) yang menyifatkan *catch-all parties* sebagai suatu bentuk parti yang menumpukan usaha bagi mentadbir di peringkat persekutuan dan bukannya sebagai wakil masyarakat madani serta berusaha meraih sokongan pengundi bukan untuk menjadi wakil namun untuk menjadi pentadbir.

Melihat kepada kerjasama politik parti-parti pembangkang di Malaysia, Nur Atika (2018) mendapati konflik politik mengganggu kestabilan Pakatan Rakyat sehingga berlakunya pembubaran Pakatan Rakyat disebabkan oleh perbezaan dalam hal hudud walaupun gabungan tersebut lebih kuat berbanding Barisan Nasional selain Anwar Ibrahim sebagai faktor penyatuan gabungan tersebut. Mohd Zamirul (2020) melihat kelestarian Pakatan Rakyat di antara tempoh 2008 hingga 2015 hanya dimungkinkan oleh dua faktor penting iaitu matlamat politik yang sama serta ketokohan kepimpinan yang dimiliki oleh mereka.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

3. Pakatan Harapan Pasca Sheraton

Kerajaan Perikatan Nasional yang ditubuhkan sewaktu pandemik Covid-19 mula berleluasa menyerang seluruh dunia termasuk Malaysia menjadikan kerajaan yang baru ditubuhkan ini dilihat lemah disebabkan oleh jumlah majoriti yang diragui sejak awal. Oleh yang demikian, Pakatan Harapan yang baru sahaja kembali sebagai pembangkang pada ketika itu sudah tentunya menantikan peluang untuk merampas kembali kedudukan kerajaan bagi mengembalikan 'mandat rakyat" yang diperoleh mereka. Justeru itu, cubaan ini boleh dinilai dalam tiga keadaan, pertama rundingan bersama Dr Mahathir dan Shafie Apdal, kedua Langkah Le Meridien dan ketiga selepas daripada peletakan jawatan Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri ke-8.

Selepas daripada Peristiwa Sheraton, Anwar Ibrahim sekali lagi mengetuai Pakatan Harapan dalam misi untuk sekali lagi ke Putrajaya. Apa yang membezakan kepulangan Anwar Ibrahim sebagai ketua pembangkang selepas peristiwa Sheraton dengan suasana politik Malaysia sebelum PRU ke-14 menyaksikan beliau bukan lagi calon tunggal dan abadi dalam kalangan pemimpin-pemimpin dan parti-parti komponen Pakatan Harapan. Nama Shafie Apdal iaitu Ketua Menteri Sabah dipertimbangkan bagi menjadi calon Perdana Menteri bagi gabungan Harapan+ iaitu gabungan khemah besar parti-parti pembangkang bersama dengan Pakatan Harapan dek kerana populariti beliau sebagai Ketua Menteri Sabah menjadikan beliau pesaing kepada Anwar Ibrahim bagi calon Perdana Menteri Pakatan Harapan. Namun yang demikian, pencalonan Shafie Apdal perlu dilihat daripada pelbagai faktor yang jelas iaitu dimensi baru parti-parti pembangkang di Malaysia, peluang untuk parti-parti komponen Pakatan Harapan yang lain untuk bermain tarik tali dengan PKR serta kesediaan politik di Malaysia untuk membenarkan pemimpin-pemimpin dari Sabah dan Sarawak untuk menjadi Perdana Menteri Malaysia.

Maka dengan itu, adalah jelas untuk melihat bagaimana sesetengah pemimpin pembangkang terutama sekali daripada DAP dan AMANAH yang mula mengorak langkah bagi mencalonkan beliau sebagai calon Perdana Menteri Pakatan Harapan+ iaitu suatu bentuk khemah besar antara Pakatan Harapan dengan parti-parti pembangkang yang lain (Hariz Mohd, 2020). Dengan pencalonan Shafie Apdal sebagai menandakan Anwar Ibrahim sudah mula hilang keyakinan dan sokongan daripada pemimpin-pemimpin Pakatan Harapan dan parti-parti pembangkang yang lain untuk membawa Pakatan Harapan pulang ke Putrajaya.

Selain itu, pertelingkahan lama yang tidak berkesudahan antara Anwar Ibrahim dan juga Dr Mahathir Mohamed membawa kepada kesukaran untuk mencari titik tengah yang penting bagi khemah besar Pakatan Harapan atau Pakatan Harapan+ bagi pulang semula ke Putrajaya. Antara perbincangan yang menjadi tumpuan sudah semestinya berkaitan dengan kedudukan Anwar Ibrahim, Dr Mahathir, Shafie Apdal dan juga Mukhriz Mahathir sebagai calon yang bakal mengepalai Pakatan Harapan+ ke Putrajaya semula. Kedudukan Dr Mahathir dan juga anaknya Mukhriz (Ahli Parlimen Jerlun) yang merupakan mantan Menteri Besar Kedah dan juga mantan Timbalan Presiden BERSATU yang masih lagi dalam proses pendaftaran parti baharu iaitu parti PEJUANG bersama-sama dengan hanya 3 orang lagi bekas ahli Parlimen BERSATU menyaksikan kedudukan mereka dalam Pakatan Harapan+ dilihat sedikit terasing berbanding dengan kedudukan Presiden PKR, Anwar Ibrahim yang dilihat sebagai wakil daripada parti komponen Pakatan Harapan.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Antara cadangan-cadangan yang dibentuk daripada perbincangan antara mereka adalah dengan mencalonkan Dr Mahathir sekali lagi sebagai calon Perdana Menteri Pakatan Harapan+ selama 6 bulan sebelum digantikan oleh Anwar Ibrahim yang tidak dipersetujui oleh kem Anwar Ibrahim disebabkan oleh curiga yang masih lagi menebal disebabkan oleh kegagalan transisi jawatan Perdana Menteri kerajaan Pakatan Harapan yang dipersetujui sebelum ini maka muncul pula, cadangan kedua yang menyaksikan Anwar Ibrahim menjadi calon Perdana Menteri manakala Mukhriz Mahathir pula dicalonkan sebagai calon Timbalan Perdana Menteri dan cadangan kedua ini pula ditolak oleh kem Dr Mahathir (Hariz Mohd, & Ng., 2020). Disebabkan oleh dua cadangan awal tidak dapat sebarang persetujuan antara kesemua pihak yang terlibat dalam meja rundingan tersebut maka muncul cadangan ketiga iaitu bagi meletakkan Shafie Apdal sebagai calon Perdana Menteri Pakatan Harapan+. Pencalonan ini dilihat sebagai sebuah sebuah pencalonan yang menarik dan mampu untuk menamatkan pergelutan dalam khemah besar Pakatan Harapan yang banyak melibatkan dua sosok iaitu Dr Mahathir dan juga Anwar Ibrahim. Cadangan ini juga mendapat sambutan daripada pemimpin-pemimpin Pakatan Harapan daripada parti DAP dan juga AMANAH sebagai sebuah langkah yang dilihat dapat memecahkan kebuntuan bagi membuka jalan buat Pakatan Harapan pulang semula ke Putrajaya (Liew, 2020; Hariz Mohd, 2020).

Namun yang demikian, musyawarah menjadi keutamaan dalam pembentukan kerjasama sebuah khemah besar politik. Dalam hal ini, cadangan bagi mencalonkan Shafie Apdal sebagai calon Perdana Menteri Pakatan Harapan+ tidak disokong oleh kem Anwar Ibrahim kerana Shafie Apdal dilihat sebagai 'proksi' bagi Dr Mahathir dan juga kerana Shafie Apadal juga dilihat sebagai pesaing jangka masa panjang untuk Anwar Ibrahim bagi jawatan Perdana Menteri Malaysia (Terence, 2020). Sokongan yang diberikan oleh Dr Mahathir kepada Shafie Apdal adalah bukan satu rahsia lagi apabila beliau sendiri mengakui sendiri dengan terbuka sokongan beliau terhadap Shafie Apdal kerana beliau sendiri tidak lagi berada dalam perlumbaan untuk menjadi calon Perdana Menteri khemah besar Pakatan Harapan+. Situasi ini ternyata merunsingkan ramai pihak yang menyaksikan ketegangan yang nyata bukan sahaja dalam khemah besar Pakatan Harapan+ namun di dalam Pakatan Harapan itu sendiri yang menyaksikan tiadanya kesepakatan, ketelusan dan jawapan tuntas di antara parti komponen Pakatan Harapan itu sendiri seperti yang diperhatikan oleh Francis (2020). Tambah Francis (2020) lagi kecelaruan ini tidak akan hanya terhenti setakat itu sahaja selagi tiada kata putus yang jelas daripada pemimpin utama Pakatan Harapan sendiri.

Sewaktu PRN Sabah 2020 sedang giat berlangsung dengan WARISAN+ yang dianggotai oleh WARISAN, DAP, AMANAH dan PKR dilihat mendahului perlumbaan dengan wajah Presiden WARISAN, Shafie Apdal menjadi aktor utama sepanjang kempen itu, seluruh Malaysia digemparkan dengan pengumuman Anwar Ibrahim yang mendakwa beliau sudah memiliki yang mencukupi bagi membentuk kerajaan serta menjadi seorang Perdana Menteri Malaysia. Pada sidang media yang dibuat di Hotel Le Meridien, Kuala Lumpur Anwar Ibrahim mengumumkan bahawa beliau memiliki majoriti yang selesa bagi menjadikan beliau Perdana Menteri Malaysia yang ke-9 namun tanpa menyatakan jumlah sokongan yang beliau peroleh dan siapakah ahli-ahli Parlimen yang menyokong beliau dan beliau mengatakan bahawa jumlah sokongan yang diperolehi oleh oleh beliau adalah kuat, menggerunkan serta meyakinkan (*strong, formidable & convincing*) melebihi majoriti tipis yang dimiliki oleh kerajaan Perikatan Nasional dan menghampiri jumlah majoriti 2/3 di Dewan Rakyat (Arfa Yunus, 23 September 2020).

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Selepas daripada pengumuman tersebut, Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng menyatakan bahawa DAP terperanjat apabila mendengar khabar angin bahawa Anwar Ibrahim memperolehi sokongan daripada sebilangan ahli Parlimen UMNO dan bukannya seperti yang disangka oleh mereka iaitu daripada Gavungan Parti Sarawak (GPS) (Ng Xiang Yi, 24 September 2021) maka perkara ini membangkitkan persoalan sama ada pengumuman yang dibuat oleh Anwar Ibrahim itu direstui oleh parti-parti komponen Pakatan Harapan yang lain seperti DAP dan AMANAH? Selain itu, apakah jumlah sokongan yang diperolehi oleh Anwar Ibrahim telah diketahui oleh parti-parti komponen Pakatan Harapan yang lain dan berdasarkan kenyataan yang dikeluarkan oleh Lim Guan Eng menunjukkan bahawa langkah yang diambil oleh Anwar Ibrahim tidak dimaklumkan kepada pemimpin-pemimpin utama Pakatan Harapan yang lain walaupun selepas daripada pengumuman itu Pakatan Harapan melalui kenyataan Majlis Presiden menyatakan kesemua ahli Parlimen AMANAH dan DAP memberikan sokongan penuh kepada Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri seperti yang dilaporkan (Rohaniza, 2020). Berdasarkan kenyataan Lim Guan Eng, jelas beliau menyangka bahawa sokongan yang diperolehi oleh Anwar Ibrahim untuk menjadi Perdana Menteri datangnya daripada GPS yang mempunyai 19 ahli Parlimen dan jumlah tersebut adalah memadai bagi menggenapkan sokongan untuk Anwar Ibrahim menjadi 120 ahli Parlimen (Ng Xiang Yi, 2021). Namun, perkara itu dinafikan oleh GPS berdasarkan kenyataan daripada Setiausaha Agung GPS, Alexander Nanta Linggi yang menafikan bahawa mereka tidak menyokong Anwar Ibrahim sebagai calon Perdana Menteri dan kekal menyokong Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri dan masih kekal sebahagian daripada kerajaan Perikatan Nasional (Zubir, 2020).

Namun yang demikian, usaha yang dibuat oleh Anwar Ibrahim bagi membawa Pakatan Harapan pulang semula ke Putrajaya tidak berhasil disebabkan oleh kedudukan Perdana Menteri ke-8 iaitu Muhyiddin Yassin pada ketika itu yang tidak tergugat dan tidak meletak jawatan menjadikan Muhyiddin Yassin kekal sebagai Perdana Menteri Malaysia sehingga Ogos 2021. Selain daripada itu, tiada pula khabar yang menyatakan mana-mana ahli Parlimen kerajaan yang menarik sokongan terhadap Muhyiddin Yassin lantas menjadikan usaha Anwar Ibrahim untuk membawa Pakatan Harapan pulang ke Putrajaya tergantung begitu sahaja. Di samping itu usaha Anwar Ibrahim bagi membuktikan sokongan yang diperolehinya kepada Yang di-Pertuan Agong, Sultan Abdullah juga sendiri turut diragui oleh pihak Istana Negara (Muhamad Nadzri, 2021). Akhirnya, Langkah Le Meridien yang direncanakan oleh Anwar Ibrahim gagal membawa Pakatan Harapan pulang ke Putrajaya.

Seterusnya, usaha Pakatan Harapan untuk pulang ke Putrajaya diteruskan lagi selepas daripada peletakan jawatan Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri ke-8. Perebutan antara Anwar Ibrahim dan juga Shafie Apdal jelas kelihatan dan menyukarkan usaha khemah besar pembangkang untuk berkompromi dan bekerjasama bagi menarik sokongan ahli-ahli Parlimen yang lain bagi menyokong Pakatan Harapan sebagai kerajaan. Maka dengan itu, wujudnya rundingan antara kedua-dua nama besar ini yang dilihat sebagai persaingan halus apabila sesiapa di antara kedua ini yang berjaya mendapat jumlah sokongan ahli Parlimen yang secukupnya bakal menjadi calon Perdana Menteri daripada pembangkang. Akhirnya, Shafie Apdal terpaksa berundur dalam persaingan bagi menjadi calon Perdana Menteri khemah besar pembangkang (Izwan, 2021) dan menyokong Anwar Ibrahim sebagai calon Perdana Menteri Pakatan Harapan bersama-sama dengan Presiden Parti MUDA, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman (Agenda Daily, 2021) dan juga Pengerusi parti PEJUANG, Dr Mahathir Mohamed (Faiz Zainuddin, 2021) dengan jumlah keseluruhan sokongan adalah sebanyak 105 orang ahli Parlimen.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Jumlah tersebut adalah masih tidak mencukupi bagi membentuk kerajaan dengan pihak lawan mereka yang mengandungi UMNO, BERSATU, PAS dan GPS serta ahli-ahli Parlimen lain kekal teguh di belakang Ismail Sabri dengan jumlah 115 ahli Parlimen. Dengan majoriti yang mencukupi serta melepasi angka magis 111, maka Ismail Sabri Yaakob dengan secara rasminya dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ke-8 oleh Duli yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agung, Sultan Abdullah pada Ogos 2021. Pelantikan beliau menandakan kepulangan UMNO sebagai kepala kerajaan Persekutuan buat sekali lagi serta kelahiran kerajaan Keluarga Malaysia.

Seperti yang dinyatakan oleh Wolinetz (2002), khemah besar menjadikan parti politik bersifat oportunis dan hal ini turut diterjemahkan oleh Pakatan Harapan. Jelas, selepas daripada Peristiwa Sheraton, tumpuan Pakatan Harapan dan khemah besar pembangkang terarah kepada usaha untuk pulang ke Putrajaya. Namun khemah besar pembangkang ini gagal dalam setiap usaha mereka untuk kembali sebagai kerajaan disebabkan oleh sistem organisasi yang dipacu oleh kelompok elit (Williams, 2009) menjadikan pertembungan elit itu sendiri mengetepikan kepentingan matlamat kewujudan khemah besar itu sendiri. Jelas, elit-elit yang menguasai Pakatan Harapan dan 'sekutu-sekutu' pembangkang yang lain mewarisi ketegangan-ketegangan lalu yang diharungi mereka sewaktu bersama-sama menjadi kerajaan dan ketegangan ini membentuk rasa curiga yang tebal sehinggakan tiada persetujuan yang dapat dibuat dan seterusnya menyaksikan perpecahan yang lebih teruk berbanding sebelum itu. Perkara ini mencerahkan betapa khemah besar pembangkang ini sudah tidak lagi sehaluan disebabkan oleh tiada lagi kepimpinan yang berhemah seperti pada PRU 14 sewaktu Dr Mahathir menjadi Pengerusi Pakatan Harapan. Kesemua parti komponen dilihat terasing antara satu sama lain dan tidak dapat membentuk satu kata sepakat yang boleh memudahkan mereka untuk berunding dengan parti-parti pembangkang yang lain.

4. PRN Melaka (2021) dan PRN Johor (2022)

PRN Melaka 2021 dan PRN Johor 2022 berlangsung tatkala negara masih lagi dalam fasa pemulihan daripada penularan wabak Covid-19. PRN Melaka 2021 terjadi selepas bekas Ketua Menteri Melaka, Idris Haron, bersama tiga lagi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Barisan Nasional (BN), Perikatan Nasional (PN) dan Bebas iaitu Nor Azman Hassan (BN-Pantai Kundor), Noor Effandi Ahmad (BERSATU-Telok Mas) dan Norhizam Hassan Baktee (Bebas-Pengkalan Batu) mengumumkan menarik sokongan terhadap kerajaan negeri pimpinan Datuk Seri Sulaiman Md Ali pada 4 Oktober 2021 (Amir Mamat & Nuraliawati Sabri, 2021). Pemimpin PKR, Amin (2022) dalam satu temu bual turut memaklumkan bahawa krisis di Melaka ini sebenarnya sudah berlangsung lebih empat bulan sebelum hari pengumuman tersebut. Tambah Amin (2022) lagi, usul pertama yang dibawa kepada Presiden PKR, Anwar Ibrahim sebelum kejadian itu berlaku dan Anwar Ibrahim sendiri menolak cadangan tersebut namun usaha-usaha bagi menjatuhkan kerajaan negeri Melaka pada ketika itu tetap diteruskan oleh 15 ADUN Pakatan Harapan.

Amin (2022) menyatakan Pakatan Harapan Melaka melihat langkah ini sebagai sangat penting kerana ianya mampu memberikan kemenangan moral kepada Pakatan Harapan selepas berhadapan dengan pelbagai episod hitam sejak dari awal tahun 2020 bermula dengan Peristiwa Sheraton dan seterusnya berakhir dengan dua episod kegagalan Pakatan Harapan untuk pulang ke Putrajaya selepas itu. Namun yang demikian, 'kemenangan moral' yang dicari tidak kesampaian selepas Ketua Menteri Melaka Sulaiman Md Ali menasihati Yang di-Pertua negeri Melaka, Mohd Ali Rustam untuk membubarkan DUN Melaka (Hariz Mohd, 2021). Selepas itu, Pengerusi Badan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Perhubungan UMNO Melaka, Abdul Rauf Yusoh mengumumkan bahawa Yang di-Pertua negeri Melaka, Mohd Ali Rustam telah membuat pertimbangan dan bersetuju untuk membubarkan Dewan Undangan Negeri Melaka Yang Keempat Belas pada 4 Oktober 2021 (Amir Mamat, 2021). Selaras dengan pembubaran DUN Melaka maka PRN Melaka 2021 pula menyusul selepas itu.

PRN Johor 2022 pula berlaku selepas daripada kematian Osman Sapian iaitu bekas Menteri Besar Johor dan juga ADUN Kempas daripada BERSATU, khabar angin mula bertiup kencang mengenai pembubaran DUN Johor disebabkan oleh majoriti tipis yang dimiliki kerajaan campuran Barisan Nasional dan Perikatan Nasional. Pada awalnya desas-desus ini dinafikan oleh Speaker Dewan Undangan Negeri Johor, Suhaizan Kaiat daripada AMANAH yang mengesahkan tidak menerima sebarang surat pembubaran DUN daripada Menteri Besar Johor (Ben Tan, 2022). Disebabkan oleh majoriti tipis yang dimiliki oleh kerajaan negeri Johor di bawah pentadbiran Hasni Mohamad maka beliau menggunakan alasan ini bagi memohon pembubaran DUN Johor kepada Sultan Johor. Sultan Johor mengumumkan pembubaran DUN Johor pada 22 Januari 2022 bagi membenarkan pilihan raya negeri Johor 2022 untuk diadakan.

Daripada 28 kerusi yang ditandingi oleh Pakatan Harapan pada PRN Melaka 2021, Pakatan Harapan hanya berjaya memenangi 5 buah kerusi sahaja iaitu DUN Ayer Keroh, Bukit Katil, Kesidang, Kota Laksamana dan Bandar Hilir (Junaidi Awang, 2022) menyaksikan Pakatan Harapan kehilangan lebih banyak kerusi berbanding sebelum PRN Melaka 2021 iaitu sebanyak 11 kerusi. Faktor penurunan peratus keluar mengundi ternyata memberikan kesan kepada Pakatan Harapan apabila Pakatan Harapan dan MUDA hanya berjaya menang di 13 kerusi DUN di seluruh negeri Johor yang menyaksikan DAP hanya berjaya mempertahankan 10 daripada 14 kerusi yang ditandingi mereka manakala AMANAH, PKR dan MUDA masing-masing hanya memperoleh satu kerusi bagi setiap parti. Perkara ini menjadikan Pakatan Harapan di Johor jauh lebih lemah berbanding sebelum PRN Johor 2022 dan menjadikan pengaruh Pakatan Harapan di Johor semakin berkurangan serta proses semak dan imbang di negeri Johor juga kurang bermaya.

Kekalahan Pakatan Harapan di PRN Melaka 2021 dan PRN Johor 2022 dapat disimpulkan dengan menumpukan kepada tiga faktor utama yang berlaku di kedua-dua negeri tersebut iaitu penurunan jumlah peratusan keluar mengundi, ketidaksepakatan Pakatan Harapan serta kelemahan dari segi kepimpinan Pakatan Harapan yang berlaku pada kedua-dua PRN tersebut. Faktor-faktor lain juga turut dinilai yang hanya berlaku di antara salah satu PRN telah berlangsung tersebut. Dengan peratusan keluar mengundi yang jatuh mendadak pada PRN Melaka 2021, 326,068 atau 65.85 peratus daripada keseluruhan 495,195 berbanding 84.7 peratus pada PRU ke-14 (Junaidi Awang, 2022) adalah tidak mengejutkan mengapa faktor yang disebut oleh Junaidi Awang (2022) sebagai faktor kemenangan Pakatan Harapan tidak dapat diterjemahkan oleh Pakatan Harapan. Pada PRN Melaka 2021, penurunan peratusan keluar mengundi berpunca daripada keadaan Malaysia yang masih lagi dalam fasa pemulihan Covid-19 dengan program vaksin Covid-19 yang diperkenalkan oleh kerajaan masih lagi dalam peringkat awal. Welsh (2022a) menyifatkan isu penutupan sempadan Johor-Singapura menjadi faktor penyumbang kepada penurunan peratus keluar mengundi pada PRN Johor 2022 kerana lebih daripada separuh kerusi yang dipertandingkan seperti Perling dan Skudai sehingga ke Tiram terletak di belah selatan Johor dan terkesan disebabkan oleh ramai pengundi yang bekerja di Singapura. Tambah Welsh (2022b) lagi, penurunan peratusan keluar mengundi sehingga bawah 55% di kerusi di sekitar Muar seperti Bentayan,

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Simpang Jeram, dan Maharani serta beberapa kerusi luar bandar seperti Tenang dan Endau disebabkan oleh pengundi luar yang tidak balik mengundi. Prestasi Pakatan Harapan pada PRN Johor 2022, juga sekali lagi menjadi sumbang disebabkan oleh penurunan jumlah peratusan mengundi seperti yang diakui sendiri oleh calon Pakatan Harapan daripada DAP di DUN Paloh, Sheikh Omar (2022) yang menyatakan kadar keluar mengundi yang sekitar 50 peratus di kawasan beliau bertanding menyaksikan kemenangannya pada PRU ke-14 di kerusi yang sama tidak dapat diulangi.

Selain itu, pada PRN Melaka 2021 dan PRN Johor 2022 menyaksikan bagaimana Pakatan Harapan dilihat tidak sepakat dalam beberapa isu yang akhirnya menyaksikan Pakatan Harapan dilihat sebagai sebuah gabungan yang tidak kukuh bagi menjamin sebuah kerajaan yang stabil. Joceline Tan (2021) menyatakan tindakan Pakatan Harapan mencalonkan dua orang bekas ADUN UMNO yang dilabel sebagai katak sebagai tidak berprinsip kerana sebelum itu Pakatan Harapan dilihat sering mempersoalkan faktor prinsip berkaitan dengan aktiviti lompat parti selepas daripada Peristiwa Sheraton yang akhirnya menyebabkan para pengundi di Melaka hilang kepercayaan terhadap Pakatan Harapan. Perkara ini diperakui oleh Chan (2022) yang menyifatkan Pakatan Harapan gagal dalam menguruskan isu 'katak' ini dengan baik. Chan (2022) berkata pada peringkat awalnya sebelum DUN Melaka dibubarkan Pakatan Harapan dilihat masih lagi dalam keadaan terkawal namun selepas pembubaran DUN Melaka, Pakatan Harapan terus hilang kawalan terutama sekali dengan naratif bagi mempertahankan 'katak-katak' yang melompat ke Pakatan Harapan. Tambah Chan (2022) antara strategi Pakatan Harapan bagi berhadapan isu ini adalah dengan menafikan isu ini namun reaksi balas yang diterima daripada khalayak umum tidak memihak kepada Pakatan Harapan. Tindakan pemimpin PKR Shamsul Iskandar dan ramai lagi pemimpin Pakatan Harapan yang lain yang mencerminkan 'katak-katak' ini sebagai wira ternyata dilihat sebagai satu strategi bagi membodohkan pengundi di Melaka. Oleh yang demikian adalah tidak memelikkan untuk DAP bagi menjarakkan diri daripada PKR dan AMANAH sepanjang kempen PRN Melaka 2021 supaya DAP masih mampu untuk mempertahankan prinsip DAP sendiri mengenai isu 'katak' ini (Chan, 2022).

Pakatan Harapan memilih tema "Maju Bersama Harapan' sebagai cogan kata bagi kempen Pakatan Harapan sepanjang kempen PRN Melaka yang dilihat sebagai satu bentuk pengabaian bagaimana kekurangan kerjasama dan pertelingkahan menyumbang kepada kejatuhan Pakatan Harapan dan bagaimana kekurangan perhatian yang mencukupi terhadap pembaharuan telah menghakis harapan bagi banyak pihak (Welsh, 2021). Perkara sama turut diperakui oleh Joceline Tan (2021) yang menyifatkan kempen dan mesej yang disampaikan oleh Pakatan Harapan dilihat sebagai tidak jelas kerana ketiga-tiga parti komponen Pakatan Harapan dilihat tidak sealiran dan menuju ke arah yang berbeza sewaktu kempen PRN Melaka 2021. Hal ini jelas kerana setiap parti komponen Pakatan Harapan dilihat berkempen secara bersendirian dengan mesej-mesej yang berbeza seperti calon Ketua Menteri Melaka Pakatan Harapan, Adly Zahari yang dilihat cuba memanfaatkan 'popularity' miliknya dengan tema "Ini Rumah Kita" berbanding menggunakan tema "Maju Bersama Harapan". Selain itu, PKR dilihat tidak menggunakan rekaan bagi poster kempen yang sama dengan calon-calon daripada AMANAH dan DAP. Perkara ini jelas dapat dilihat di kawasan-kawasan yang bersebelahan antara PKR dengan AMANAH dan DAP seperti Klebang (PKR)-Kota Laksamana (DAP) dengan Klebang (PKR)-Pantai Kundor (AMANAH).

Kesilapan Pakatan Harapan dari kegagalan untuk mencapai kata sepakat dalam sesuatu keputusan yang diambil turut berlaku pada PRN Johor 2022 melibatkan keputusan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

berbeza parti-parti komponen Pakatan Harapan mengenai isu logo dan juga kerjasama bersama dengan parti MUDA. Faktor pemilihan logo yang digunakan oleh PKR, DAP dan AMANAH serta MUDA menyumbang kepada ketidakyakinan pengundi kepada Pakatan Harapan. DAP dan AMANAH membuat keputusan menggunakan logo Pakatan Harapan manakala PKR pula menggunakan logo parti mereka sendiri. Menurut Wong Chen (Chua, S, 2022), keputusan PKR untuk tidak menggunakan logo Pakatan Harapan adalah bagi mengelak stigma buruk logo Pakatan Harapan sewaktu era Mahathir. PKR juga menggunakan logo parti mereka sendiri kerana percaya bahawa logo PKR adalah lebih popular berbanding logo Pakatan Harapan dan menjadi punca di sebalik kemenangan Pakatan Harapan pada PRU ke-14 (Amin, 2022).

Pengarah Eksekutif Ilham Centre, Hisommudin Bakar berkata keputusan PKR untuk menggunakan logo sendiri berbanding DAP dan Amanah yang kekal menggunakan logo Pakatan Harapan menunjukkan parti itu ingin menguji kekuatan sendiri (Nur Shazreena, 2022). Tindakan PKR untuk menggunakan logo mereka sendiri berbanding menggunakan logo Pakatan Harapan juga menyebabkan pengundi kurang yakin sama ada Pakatan Harapan mampu untuk menawarkan kestabilan politik kepada mereka kerana jika Pakatan Harapan gagal mendapatkan kesepakatan mengenai isu logo bagaimana Pakatan Harapan dapat menjanjikan tidak akan berlakunya sebarang berantakan antara mereka selepas PRN Johor 2022 (Nur Shazreena, 2022; Welsh, 2022c). Perkara ini ditambah lagi oleh Ong (2022), di Johor tiadanya koordinasi dan mesej yang jelas daripada Pakatan Harapan apabila semua parti mengumumkan calon masing-masing secara berasingan.

Walaupun keputusan Pakatan Harapan bagi bekerjasama dengan MUDA dipersetujui oleh semua parti namun kelangsungan hubungan antara MUDA dengan PKR sepanjang PRN Johor 2022 dilihat tegang. Pada PRN Johor 2022 parti MUDA bersetuju untuk menerima enam kerusi DUN untuk ditandingi yang sebelum ini merupakan kerusi-kerusi buat parti DAP dan AMANAH. Tenang, Bukit Kepong, Parit Raja, Machap, Puteri Wangsa dan Bukit Permai merupakan enam kerusi DUN yang diberikan kepada MUDA oleh DAP dan AMANAH dalam rundingan yang sama oleh ketiga-tiga parti tanpa melibatkan PKR. Namun kelancaran rundingan MUDA dengan DAP dan AMANAH tidak dapat diteruskan bersama dengan PKR apabila wujud ketegangan antara MUDA dengan PKR melibatkan kerusi yang dirunding oleh kedua-dua parti. Hal ini demikian kerana, MUDA meminta tiga kerusi PKR antaranya DUN Larkin, Sungai Balang dan Bukit Gambir namun PKR menolak tawaran tersebut dan menawarkan kerusi-kerusi lain yang dilihat MUDA sebagai 'tidak boleh menang' seperti Tanjung Surat, Sri Medan dan Semarang, tiga kerusi luar bandar yang menjadi kubu kuat UMNO (Mohamed Farid, 2022).

Pemimpin MUDA, Tarmizie (2022) melihat tindakan PKR daripada awal seakan tidak mempunyai sebarang niat bagi berunding dengan MUDA soal kerusi untuk MUDA tandingi kerana dilihat meletakkan MUDA dalam situasi *"take it or leave it"* dalam kerusi yang ditawarkan oleh PKR yang ternyata menyukarkan MUDA untuk menerimanya tanpa ada rundingan yang dapat memuaskan hati kedua-dua pihak. Amin (2022) menafikan wujud sebarang dendam antara MUDA dengan PKR sehingga menyebabkan berlakunya kesukaran rundingan kerusi melibatkan rundingan kerusi antara kedua-dua parti. Dengan merujuk kepada ucapan Presiden Anwar Ibrahim sewaktu Kongres Nasional Keadilan 2022 selepas PRN Johor 2022, kata Amin (2022) bagi pihak PKR, PRN Johor 2022 dikendalikan oleh Majlis Pimpinan PKR Negeri Johor dengan 90 peratus daripada urusan pemilihan kerusi dan calon PKR diuruskan oleh 'orang-orang' Timbalan Presiden PKR, Rafizi Ramli tanpa menyebut sebarang nama. Hal ini dapat dibuktikan apabila

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Tarmizie (2022) berkata dua wakil PKR yang terlibat dalam rundingan dengan MUDA iaitu Jimmy Puah & Akmal Nasir, bekas Ketua Angkatan Muda Keadilan (AMK) dilihat kurang mesra dengan MUDA berbanding dengan Pengerusi PKR negeri Johor, Syed Ibrahim yang diakui sebagai seorang yang baik dan budiman sepanjang rundingan tersebut.

Jelas Tarmizie (2022), perkara ini mencerminkan wujudnya kecelaruan dari segi struktur perbincangan antara MUDA dengan PKR dari peringkat pusat, negeri dan juga akar umbi yang berbeza kerana di peringkat pusat, melalui rundingan pimpinan MUDA bersama Setiausaha Agung PKR, Saifuddin Nasution berlangsung lebih aman manakala di peringkat akar umbi pula di setiap kerusi yang ditandingi MUDA selain di Larkin penyokong-penyokong PKR juga turut turun membantu calon MUDA di kawasan-kawasan tersebut. Amin (2022) melihat PKR mengambil sikap yang lebih keras dan menafikan bahawa PKR sebenarnya tidak mahu berunding dengan MUDA namun beliau tidak melihat MUDA berada pada kedudukan yang sesuai bagi menentukan kerusi mana yang MUDA mahukan kerana mereka bukan sebahagian daripada Pakatan Harapan. Naib Pengerusi DAP Johor, Sheikh Omar (2022) menjelaskan bahawa MUDA bukan sebahagian daripada Pakatan Harapan menyebabkan sebarang rundingan kerusi perlu dilakukan MUDA secara langsung dengan setiap parti komponen Pakatan Harapan.

Justeru itu, MUDA menggunakan kegagalan rundingan itu bagi bertanding di DUN Larkin yang turut ditandingi PKR hingga berlaku pertindihan antara MUDA dengan PKR di kerusi tersebut. Kata Tarmizie (2022), MUDA menggunakan keadaan tersebut bagi menguji kekuatan mereka sendiri dan menggunakan hak demokrasi yang dimiliki mereka bagi bertanding di DUN Larkin walaupun wujud pertindihan dengan PKR di situ. Walaupun MUDA telah dinasihati oleh AMANAH dan DAP untuk tidak 'melanggar' PKR di Larkin, namun MUDA tetap mengambil keputusan untuk bertanding di Larkin walaupun berhadapan dengan PKR sendiri (Tarmizie, 2022). Jelas Tarmizie (2022) lagi, disebabkan oleh tindakan MUDA tersebut, AMANAH dan DAP mengambil keputusan untuk tidak membantu MUDA di Larkin demi menjaga semangat setia kawan antara mereka dengan PKR namun DAP dan AMANAH tetap terus membantu MUDA di kerusi-kerusi lain yang ditandingi oleh MUDA.

Faktor ketiga yang menyumbang kepada kekalahan Pakatan Harapan pada PRN Melaka 2021 dan PRN Johor 2022 turut dilihat daripada faktor kepimpinan yang lemah daripada Pakatan Harapan. Tsunami Melayu yang merupakan faedah yang dinikmati oleh Pakatan Harapan pada PRU ke-14 juga turut berkait dengan faktor personaliti yang dimiliki oleh Pakatan Harapan pada ketika itu. Pada PRU ke-14, Pakatan Harapan diketuai oleh Dr Mahathir sebagai Pengerusi Pakatan Harapan. Walid Jumblatt (2018) berpendapat pada PRU ke-14 peranan Mahathir adalah sangat penting bagi memastikan pengundi Melayu di kawasan luar bandar terutama sekali memihak kepada Pakatan Harapan selain kepada kemampuan Dr Mahathir bagi memecahbelahkan UMNO pada ketika itu dengan menarik keluar sokongan nama-nama besar lain daripada UMNO dan Barisan Nasional seperti Shafie Apdal bagi bersama pembangkang.

Kedua-dua keadaan ini jelas tidak kelihatan sepanjang PRN Melaka 2021 dan PRN Johor 2022 buat Pakatan Harapan apabila Dr Mahathir dan partinya PEJUANG tidak bersama Pakatan Harapan yang seterusnya menyaksikan hilangnya faktor tarikan kepada Pakatan Harapan terutama sekali kepada pengundi Melayu di luar bandar. Welsh (2018, 2021) turut mengakui faktor Mahathir sebagai pemangkin bagi kejayaan Pakatan Harapan di seluruh negara termasuklah di Melaka pada PRU ke-14 dengan kemunculan Mahathir di

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Melaka menyaksikan ribuan pengundi di Melaka turun menyaksikan beliau memberikan ceramah di Bukti Piatu seminggu sebelum 9 Mei 2018. Funston (2018) merangkumkan faktor Mahathir pada PRU ke-14 kepada tiga teras utama iaitu kepimpinan, juru kempen pilihan raya yang berkebolehan dan jurucakap yang berkesan yang menjadi faktor pemisah berbanding kepimpinan Pakatan Harapan yang diketuai oleh Anwar Ibrahim pada PRN Melaka 2021. Keupayaan Mahathir sebelum ini juga turut diakui oleh pemimpin DAP, Lim Kit Siang yang menyifatkan Mahathir sebagai *game-changer* pada PRU ke-14 (Walid Jumblatt, 2018). Seperkara yang jelas membezakan pertarungan tiga penjuru melibatkan Pakatan Harapan, Barisan Nasional dan Perikatan Nasional pada PRN Melaka 2021 dan PRN Johor 2022 yang tidak memberikan pulangan yang sama kepada Pakatan Harapan seperti PRU ke-14 adalah berpunca daripada perpecahan khemah besar pembangkang. Pada PRU ke-14, khemah besar pembangkang dan Pakatan Harapan dilihat kukuh dengan adanya kemasukan Dr Mahathir, BERSATU dan Warisan (Muhamad Nadzri, 2018). Namun perkara itu tidak berulang pada PRN Johor 2022 apabila BERSATU merupakan parti komponen bagi Perikatan Nasional manakala WARISAN dan Dr Mahathir yang mengetuai parti PEJUANG pula turut menjadi pesaing buat Pakatan Harapan di hampir setiap kerusi yang ditandingi Pakatan Harapan.

Antara perkara lain yang tidak banyak diperkatakan oleh para penganalisis mengenai PRN Melaka 2021 adalah berkaitan dengan penolakan akar umbi terhadap Pakatan Harapan sendiri. Penurunan peratusan keluar undi dalam kalangan masyarakat Cina jelas memberikan kesan kepada DAP dengan DAP hanya berjaya mempertahankan empat daripada lapan kerusi yang dimenangi sebelum ini. Namun penolakan akar umbi adalah lebih jelas terhadap PKR dan AMANAH di PRN Melaka. Menurut Welsh (2021), PKR dilihat 'mencederakan' diri mereka sendiri sepanjang kempen PRN Melaka 2021 dengan jentera pilihan raya PKR yang terlemah berbanding DAP dan AMANAH, mengalami keretakan yang paling ketara di peringkat akar umbi sehinggakan ada ahli parti mereka tidak keluar mengundi pada hari pengundian.

Bagi melihat penolakan akar umbi PKR di Melaka, adalah paling bertepatan untuk menumpukan kepada ahli Parlimen Hang Tuah Jaya, Shamsul Iskandar. Di Melaka, Shamsul merupakan satu figura politik yang mendatangkan pelbagai reaksi daripada pelbagai pihak, ada yang menilainya sebagai *'fighter'* dan tidak kurang juga yang melabelnya sebagai 'ular' Pada PRN Melaka, beliau turut terlibat dengan bertanding di DUN Paya Rumput yang dikategorikan sebagai kerusi selamat Pakatan Harapan kerana berjaya menang dengan majoriti 4,259 undi pada PRU ke-14. Sebelum Shamsul diletakkan sebagai calon PKR di Paya Rumput, wujud persaingan antara beliau dengan Pengerusi PKR Melaka, Halim Bachik bagi kerusi tersebut (Ahli Akar Umbi PKR 1, 2022). Atas faktor ini jelas wujudnya penolakan daripada akar umbi-akar umbi PKR di seluruh negeri Melaka yang tidak berpihak kepada Shamsul. Kedatangan Shamsul di DUN Paya Rumput yang terletak dalam Parlimen Tangga Batu nyata tidak disenangi oleh rata-rata akar umbi PKR di kawasan tersebut termasuklah pimpinan utama PKR di Tangga Batu yang dilihat lebih cenderung kepada Halim Bachik (Ahli Akar Umbi PKR 2, 2022). Kata sumber (Ahli Akar umbi PKR 2, 2022), kemarahan mereka terhadap Shamsul bermula selepas PRU ke-14 selepas Pakatan Harapan memerintah negeri Melaka apabila Shamsul yang ketika itu merupakan Pengerusi PKR negeri Melaka dilihat memanipulasi akar umbi PKR di Melaka dengan mengutamakan kelompoknya sahaja dalam jawatan-jawatan utama kerajaan negeri seperti ahli Majlis dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK). Selain itu, ahli akar umbi PKR 2 (2022) juga turut menyatakan kedudukan Shamsul sebagai sekutu kuat bekas Timbalan Presiden PKR, Azmin Ali menjadikan beliau sebagai seorang yang tidak boleh dipercayai.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Justeru itu, adalah sukar untuk menafikan bagaimana penolakan yang kuat daripada akar umbi PKR sendiri terutama di Cabang Tangga Batu yang ternyata tidak menyenangi Shamsul. Kata ahli akar umbi PKR 1 (2022), selepas Peristiwa Sheraton Shamsul dilihat bagaikan sudah 'insaf' namun tindakan beliau 'melanggar' pimpinan PKR negeri Melaka dan bertanding di DUN Paya Rumput menyebabkan sekali lagi beliau tidak dipercayai oleh akar umbi PKR di Melaka. Kesannya ternyata parah buat Shamsul apabila sepanjang kempen PRN Melaka 2021, beliau tidak mendapat sokongan akar umbi PKR Tangga Batu dan seterusnya rata-rata ahli PKR di kawasan tersebut tidak keluar mengundi dan menyaksikan Shamsul tewas kepada calon muda UMNO, Rais Yasin dengan majoriti tipis iaitu 629 undi.

Penolakan akar umbi AMANAH turut berlaku di DUN Pantai Kundor yang ditandingi oleh bekas ADUN UMNO, Nor Azman Hassan. Setiausaha Pemuda AMANAH Melaka, Ahmad Azri (2022) berkata keputusan meletakkan Nor Azman untuk bertanding di bawah tiket AMANAH adalah satu keputusan yang mengejut dengan keputusan yang dibuat kerana hanya diketahui oleh ahli-ahli AMANAH beberapa hari sebelum penamaan calon. Ahmad Azri (2022) yang terlibat menguruskan pendaftaran calon-calon yang bertanding sendiri mengakui terkejut apabila nama Azman tertera pada borang calon dan apa yang lebih memeranjatkan kata beliau lagi apabila nama Pengerusi AMANAH kawasan Tangga Batu, Johari Osman sendiri yang menjadi pencadang untuk Nor Azman. Hal ini jelas menunjukkan bagaimana kerelaan kepimpinan AMANAH Melaka untuk meletakkan calon 'katak' walaupun sejak awal lagi perkara ini sudah tidak dipersetujui oleh rata-rata penyokong Pakatan Harapan di negeri Melaka.

Kesannya, calon Pakatan Harapan Nor Azman Hassan gagal untuk mempertahankan kerusi yang disandangnya sebelum ini apabila tewas kepada Tuminah Kadi daripada UMNO dengan majoriti 827 undi. Rata-rata pengundi dan penyokong Pakatan Harapan di DUN Pantai Kundor berkata bahawa mereka tidak ada sebarang masalah dengan Nor Azman namun keputusan Pakatan Harapan mencalonkan beliau di bawah tiket Pakatan Harapan dilihat sebagai tidak boleh dimaafkan dan tidak bermoral serta bertentangan dengan prinsip yang selama ini dipegang oleh Pakatan Harapan. Hal ini menjadikan tugas sukar buat ahli-ahli akar umbi Pakatan Harapan di DUN Pantai Kundor bagi meyakinkan pengundi untuk menyokong Pakatan Harapan disebabkan oleh tindakan calon Pakatan Harapan itu sendiri yang terpalit kepada kejatuhan kerajaan negeri Melaka sebelum itu (Ahli Akar Umbi AMANAH 1, 2022).

5. Kesimpulan

Perbincangan dalam makalah ini menumpukan kepada perjalanan Pakatan Harapan pasca Sheraton melibatkan langkah-langkah politik untuk kembali menjadi kerajaan dan persembahan gabungan itu pada PRN Melaka 2021 dan PRN Johor 2022 dalam menyumbang kepada pendebatan dan perkembangan oposisi dalam politik Malaysia pasca Langkah Sheraton. Kajian menunjukkan bahawa Pakatan Harapan pasca Sheraton berdepan pelbagai jenis halangan bagi memperkukuhkan semula gabungan tersebut sama ada secara dalaman atau menjalinkan hubungan yang erat dengan parti-parti pembangkang yang lain bagi mencapai matlamat untuk kembali menguasai kerajaan sama ada melalui politik mahu pun pilihan raya. Kajian ini membangkitkan cabaran-cabaran Pakatan Harapan di peringkat kepimpinan, hubungan antara parti dan faktor personaliti sebagai faktor di sebalik kesukaran Pakatan Harapan untuk kembali ke Putrajaya selepas Peristiwa Sheraton yang seterusnya menyebabkan Pakatan Harapan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

sukar menjadi sebuah jentera pilihan raya yang lebih ampuh (Kirchheimer, 1966) yang terbukti kesannya melalui kekalahan mengejut dalam PRN Melaka 2021 dan PRN Johor 2022.

Kesan daripada politik dan pilihan raya Pakatan Harapan pasca Sheraton menyaksikan Pakatan Harapan sebagai tunjang khemah besar yang kurang berjaya dalam parti-parti pembangkang yang lain, dalam konteks mengadakan kesepaduan pembangkang sebelum PRU ke-15. Keadaan ini menyaksikan wujudnya keperluan buat Pakatan Harapan bagi memperbaiki saf kepimpinan mereka dengan kepimpinan yang tegas dan muka-muka baru yang lebih segar, membina hubungan yang lebih akrab dan kukuh antara parti-parti komponen Pakatan Harapan serta merangka strategi bagi menawan semula hati para pengundi menjelang PRU ke-15 kelak.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (RECUKM). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Para penulis mengucapkan terima kasih kepada para informan kajian ini dan penilai jurnal MJSSH.

Kewangan (*Funding*)

Sebahagian dari pada penulisan ditaja oleh Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS/1/2020/SS0/UKM/02/3).

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarangan atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

Ahli Akar Umbi AMANAH 1. Temubual, Melaka. 25 Jun 2022.
Ahli Akar Umbi PKR 1. Temubual, Melaka. 21 Jun 2022.
Ahli Akar Umbi PKR 2. Temubual, Melaka. 24 Jun 2022.
Ahmad Azri. Setiausaha Pemuda AMANAH Melaka. Temubual, Melaka. 21 Jun 2022.
Amin Ahmad. Ahli Parlimen Kangar. Temubual, Petaling Jaya. 23 Julai 2022.
Amir Mamat & Nuraliawati Sabri. (2021, Oktober 4). Kerajaan Melaka tumbang, empat Adun kerajaan tarik sokongan. *Berita Harian*. Diperolehi pada April 17, 2022, daripada https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/10/872203/kerajaan-melaka-tumbang-empat-adun-kerajaan-tarik-sokongan.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Amir Mamat. (2021, Oktober 19). Norhizam tiada tempat dalam Ph. *Harian Metro*. Diperolehi pada April 17, 2022, daripada https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/10/767874/norhizam-tiada-tempat-dalam-ph.

Arfa Yunus. (2020, September 23). Anwar says has 'strong, formidable, convincing' majority to form government. *New Straits Times.* Diperolehi pada April 22, 2022, daripada https://www.nst.com.my/news/nation/2020/09/626586/anwar-says-has-strong-formidable-convincing-majority-form-government

Ariff Aizuddin Azlan, & Mohammad Khairuddin Majidillah. (2018). Ayunan Bandar dalam Pilihan Raya Umum Ke-14: Kajian Kes Negeri Sembilan. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies, 45*(2), 251-272.

Nur Atika Hairi. (2018). Coalition politics among opposition parties in Malaysia: a case study of Pakatan Rakyat. *Advances in Social Sciences, Education & Humanities Research*, 129, 173-181.

Ben Tan. (2022, Januari 20). Amid rumours, Johor Speaker denies state assembly to be dissolved for elections. *MalayMail.* Diperolehi pada April 18, 2022, daripada https://www.malaymail.com/news/malaysia/2022/01/20/amid-rumours-johor-speaker-denies-state-assembly-to-be-dissolved-for-electi/2036525.

Chan Tsu Chong. Pengarah Media DAP Melaka. Temubual, Melaka. 21 Jun 2022.

Chua, S. (2022, Mac 6). Pkr tak guna logo Ph pada Prn Johor sebab 'stigma Mahathir.' *Free Malaysia Today*. Diperolehi pada April 25, 2022, daripada https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2022/03/06/pkr-tak-guna-logo-ph-pada-prn-johor-sebab-stigma-mahathir/.

Faiz Zainudin. (2021, Ogos 18). Jika Anwar jadi PM, Pejuang akan sokong, kata Dr Mahathir*. Free Malaysia Today.* Diperolehi pada April 18, 2022, daripada Jika Anwar jadi PM, Pejuang akan sokong, kata Dr Mahathir

Francis Paul Siah. (2020, Julai 30). COMMENT | Then, Dr M-Anwar, now Anwar-Shafie. Who's next? *MalaysiaKini.* Diperolehi pada April 14, 2022, daripada https://www.malaysiakini.com/columns/536707

Funston, J. (2018). Malaysia's 14th General Election (GE14) - The Contest for the Malay Electorate. *Journal of Current Southeast Asian Affairs*, *37*(3), 57–83.

Hague, R. & Harrop, M. 2004. Linking Society & Government. In *Comparative Government and Politics*, New York: Palgrave Macmillan.

Hariz Mohd, & Ng Xiang Yi. (2020, Jun 18). Mechanisms in place to ensure Dr M steps down in six months, explains DAP. *MalaysiaKini.* Diperolehi pada April 14, 2022, daripada https://www.malaysiakini.com/news/530711

Hariz Mohd. (2020, Julai 14). It was Amanah, DAP who suggested me, says Shafie on PM candidate issue. *MalaysiaKini*. Diperolehi pada April 14, 2022, daripada https://www.malaysiakini.com/news/534369

Hariz Mohd. (2021, Oktober 5). Km Melaka nasihati Tyt bubar Dun, keputusan dalam masa terdekat. *MalaysiaKini.* Diperolehi pada April 21, 2022, daripada https://www.malaysiakini.com/news/594139.

Izwan Abdullah. (2021, Ogos 18). Shafie tak jadi calon PM. *Berita Harian.* Diperolehi pada April 21, 2022, daripada https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/08/852845/shafie-tak-jadi-calon-pm

Joceline Tan. (2021, November 21). A Malay Tsunami in Melaka. *The Star.* Diperolehi pada April 18, 2022, daripada https://www.thestar.com.my/opinion/columnists/analysis/2021/11/21/a-malay-tsunami-in-melaka.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Junaidi Awang Besar. (2022). Geopolitik Melaka dan Pilihan Politik Pengundi Dalam Pilihan Raya DUN Melaka 2021. *Journal of Social Sciences & Humanities, 19*(1), 64–80.

Kirchheimer, O. (1966). 'The Transformation of the Western European Party Systems', dalam LaPalombara, J and Weiner, M. (eds) *Political Parties and Political Development*. Princeton, NJ: Princeton University Press.

Liew Chin Tong. (2020, Jun 18). COMMENT | Anwar-Mahathir unity can defeat the dark side*. MalaysiaKini*. Diperolehi pada April 14, 2022, daripada www.malaysiakini.com/columns/530817

Mohamed Farid Noh. (2022, Februari 14). Rundingan kerusi Pkr-Muda belum selesai. *Berita Harian.* Diperolehi pada April 17, 2022, daripada https://www.bharian.com.my/berita/politik/2022/02/922532/rundingan-kerusi-pkr-muda-belum-selesai.

Mohd Zamirul Mohd Dzaki. (2020). Kelestarian Pakatan Rakyat dalam Politik Malaysia: 2008 - 2015. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 5*(6), 53-60. doi:10.47405/mjssh.v5i6.431.

Muhamad Nadzri. (2018). The 14th General Election, the Fall of Barisan Nasional, and Political Development in Malaysia, 1957–2018. *Journal of Current Southeast Asian Affairs,* 37(3), 139–171.

Muhamad Nadzri. (2021). Ke Arah Pilihan Raya Umum ke-15: Dinamika Pilihan Raya Negeri Sabah 2020 dan Pengajarannya. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space,* 17(4), 91-106.

Muhamad Takiyuddin Ismail, & Muhamad Nadzri Mohamed Noor. (2018). Revolusi Senyap 9 Mei 2018. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 45(2), 161-185.

Ng Xiang Yi. (2020), September 24. Kaitan pemimpin Umno dalam 'langkah Anwar' kejutkan DAP. *MalaysiaKini.* Diperolehi pada April 15, 2022, daripada https://www.malaysiakini.com/news/543815

Nur Shazreena Ali. (2022, Januari 27). Logo Pkr atau Ph? Prn Johor akan tentukan, kata penganalisis. *MalaysiaNow.* Diperolehi pada April 21, 2022, daripada https://www.malaysianow.com/my/news/2022/01/27/logo-pkr-atau-ph-prn-johor-akan-tentukan-kata-penganalisis.

Ong Kian Ming. Ahli Parlimen Bangi. Temubual, Bandar Baru Bangi. 19 Julai 2022.

Ooi Kok Hin. (2021). Peril or Opportunity? The Case of Malaysia's First Non-party Leader Prime Minister. *ISEAS Perspective*, *2021*(133), 1-11.

Rohaniza Idris. (2020, September 29). Majlis Presiden PH setuju 'langkah Anwar'. *Berita Harian.* Diperolehi pada April 14, 2022, daripada https://www.bharian.com.my/berita/politik/2020/09/736314/majlis-presiden-ph-setuju-langkah-anwar

Sheikh Omar Bagharib. Naib Pengerusi DAP Johor. Temubual, Kuala Lumpur. 23 Julai 2022.

Tarmizie Anuar. Pengerusi MUDA Negeri Sembilan. Temubual, Serdang. 14 Julai 2022.

Terence Netto. (2022, Jun 28). COMMENT | Shafie as Harapan PM-designate enjoys cachet. *MalaysiaKini.* Diperolehi pada April 13, 2022, daripada https://www.malaysiakini.com/news/532088

Walid Jumblatt Abdullah. (2019). The Mahathir effect in Malaysia's 2018 Election: The Role of Credible Personalities in Regime Transitions. *Democratization, 26*(3), 521–536.

Welsh, B. (2018). "Saviour" Politics & Malaysia's 2018 Electoral Democratic Breakthrough: Rethinking Explanatory Narratives & Implications. *Journal of Current Southeast Asian Affairs*, *37*(3), 85-108.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Welsh, B. 2021, (November 21). Comment | Malacca polls: Preliminary look at the results. *MalaysiaKini.* Diperolehi pada April 14, 2022, daripada https://m.malaysiakini.com/columns/600120.

Welsh, B. 2022a, (Februari 22). Lessons from Malacca polls: Election retrospective Part 1. *MalaysiaKini.* Diperolehi pada April 23, 2022, daripada https://www.malaysiakini.com/columns/611636.

Welsh, B. 2022b, (Mac 5). Johor voting retrospective: Turnout and turns in support. *MalaysiaKini*. Diperolehi pada April 20, 2022, daripada https://m.malaysiakini.com/columns/613193.

Welsh, B. 2022c, (Mac 13). Back to the past? Preliminary voting analysis of Johor polls. *MalaysiaKini*. Diperolehi pada Mac 13, 2022, daripada https://m.malaysiakini.com/columns/614255

Williams, M. H. (2009). Catch-All in The Twenty-First Century? Revisiting Kirchheimer's Thesis 40 Years Later. *Party Politics, 15*(5), 539-541.

Wolinetz, S. B., & Linz, J. J. (2002). Beyond the Catch-All Party: Approaches to the Study of Parties and Party Organization in Contemporary Democracies. In R. Gunther & J. R. Montero (Eds.), *Political Parties: Old Concepts and New Challenges* (ms. 136-165). Oxford, England: Oxford Scholarship Online.

Zubir Sulaiman. (2020, September 23). GPS nafi sokong Anwar bentuk kerajaan baharu. *Sinar Harian*. Diperolehi pada April 15, 2022, daripada https://www.sinarharian.com.my/article/ 102315/BERITA/Politik/GPS-nafi-sokong-Anwar-bentuk-kerajaan-baharu

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).